

# 38 pelajar SMK Kunak, mahasiswa UMS sertai Program Tautan Kasih

UB 14.3.2019 B2

KOTA KINABALU: Seramai 38 orang pelajar dari SMK Kunak dan 4 orang guru berkunjung ke Universiti Malaysia Sabah (UMS) untuk menjayakan program Tautan Kasih bersama mahasiswa UMS.

Program ini dikendalikan oleh Bahagian Kaunseling dan bimbingan, Jabatan Hal Ehwal Pelajar UMS.

Pada hari pertama, Slot pelajar-pelajar Tingkatan 5 dari SMK Kunak dijalankan bersama barisan kepimpinan MPP UMS. Pada hari seterusnya, pelajar-pelajar dibawa melawat ke Muzium UMS, Galeri dan sekitar UMS. Hari terakhir, pelajar dan guru-guru diberikan taklimat ringkas dari Bahagian Perkhidmatan Akademik UMS tentang cara kemasukan ke Universiti.



**SESI bergambar bersama peserta Tautan Kasih Di SMK Kunak Sabah.**

Majlis Penutupan program berlangsung pada 5 Mac 2019 yang dihadiri oleh Puan Norhana Nordin, wakil ketua Bahagian Kaunseling dan Bimbingan bersama Presiden MPP, Saudara Mohd Jivean

Wira Johan dan semua yang menyertainya.

Timbalan Naib Canselor (HEPA), Prof. Dr. Ismail Ali menyatakan bahawa program seperti ini amat bermanfaat kepada mana-mana sekolah

terutama di Sabah untuk memberi mereka pendedahan awal dan pengetahuan tentang UMS. Ini boleh memberikan mereka inspirasi dan semangat untuk belajar di menara gading kelak terutama di UMS.